**NASKHAH CALON**
**BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 1**

[40 markah]

**TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**SEKTOR PERTANIAN DI MALAYSIA**









Malaysia terkenal dengan pertanian kelapa sawit, getah, nanas dan padi sawah. Sehubungan dengan itu, para graduan digalakkan menceburi bidang pertanian ini. Walau bagaimanapun, mereka tidak yakin dengan kemampuan pertanian sebagai satu sumber pendapatan. Para graduan tidak berminat untuk menceburi bidang ini kerana mereka merasakan bidang pertanian ini kotor dan tidak memberi pulangan yang lumayan. Selain itu, mereka tidak mahu bekerja di bawah terik matahari. Tambahan pula, mereka tiada pengetahuan dan keyakinan untuk mengusahakan pertanian. Akibatnya, bidang pertanian telah dipinggirkan dan diletakkan sebagai kelas kedua dalam proses menjana ekonomi.

**NASKHAH PENTAKSIR**
**BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 1**

[40 markah]

**TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**SEKTOR PERTANIAN DI MALAYSIA**









Malaysia terkenal dengan pertanian **kelapa sawit, getah, nanas dan padi sawah.** Sehubungan dengan itu, para graduan digalakkan menceburi bidang pertanian ini. Walau bagaimanapun, mereka tidak yakin dengan kemampuan pertanian sebagai satu sumber pendapatan. **Para graduan tidak berminat untuk menceburi bidang ini kerana mereka merasakan bidang pertanian ini kotor dan tidak memberi pulangan yang lumayan**. **Selain itu, mereka tidak mahu bekerja di bawah terik matahar**i. **Tambahan pula, mereka tiada pengetahuan dan keyakinan untuk mengusahakan pertanian**. Akibatnya, bidang pertanian telah dipinggirkan dan diletakkan sebagai kelas kedua dalam proses menjana ekonomi.

**SOALAN PENTAKSIR:**

1. Nyatakan contoh pertanian di Malaysia.

2. Mengapakah para graduan tidak berminat menceburi bidang pertanian?

3. Berdasarkan pengetahuan anda, nyatakan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk memajukan sektor pertanian.

4. Sekiranya anda ingin menceburkan diri dalam bidang pertanian, apakah persediaan-persediaan yang perlu anda lakukan?

**BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 2**

[40 markah]

**TEMA: ALAM SEKITAR**

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

## PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Alam sekitar ialah sebahagian daripada kehidupan manusia. Kecuaian terhadap pemeliharaan kualiti alam sekitar telah mengakibatkan masalah seperti penghakisan lapisan ozon dan kehilangan pelbagai spesies haiwan serta tumbuh-tumbuhan. Keadaan alam sekitar telah bertambah buruk berikutan pencemaran sejak beberapa dekad lamanya kerana pembuangan sisa toksik secara tidak selamat dan pelupusan tenaga fosil. Kesemua masalah ini mengancam kesejahteraan hidup manusia. Penggondolan bukit bukau yang berleluasa telah memusnahkan landskap bumi yang menjadi habitat pelbagai organisme. Kita semua perlu meluangkan waktu untuk memikirkan kesan daripada tindakan yang kita lakukan. Hari Alam Sekitar yang disambut pada 21 Oktober setiap tahun merupakan peluang untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu yang semakin kritikal ini.

**NASKHAH PENTAKSIR**
**BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 2**

[40 markah]

**TEMA: TEMA: ALAM SEKITAR**

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

## PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Alam sekitar ialah sebahagian daripada kehidupan manusia. Kecuaian terhadap pemeliharaan kualiti alam sekitar telah mengakibatkan masalah seperti **penghakisan lapisan ozon dan kehilangan pelbagai spesies haiwan serta tumbuhan**. Keadaan alam sekitar telah bertambah buruk berikutan pencemaran sejak beberapa dekad lamanya kerana **pembuangan sisa toksik secara tidak selamat dan pelupusan tenaga fosil**. Kesemua masalah ini **mengancam kesejahteraan hidup manusia**. **Penggondolan bukit bukau yang berleluasa** telah memusnahkan landskap bumi yang menjadi habitat pelbagai organisme. Kita semua perlu meluangkan waktu untuk memikirkan kesan daripada tindakan yang kita lakukan. Hari Alam Sekitar yang disambut pada 21 Oktober setiap tahun merupakan peluang untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu yang semakin kritikal ini.

**SOALAN PENTAKSIR :**

1. Nyatakan faktor-faktor pencemaran alam sekitar.

2. Apakah yang akan terjadi jika alam sekitar tidak dijaga dengan baik?

3. Pada pendapat anda, mengapakah usaha memulihara alam sekitar sangat penting?

4. Selain mengadakan Hari Alam Sekitar, apakah cara-cara lain yang perlu dijalankan untuk memupuk kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga kualiti alam sekitar?

**NASKHAH CALON**
**BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 3**

[40 markah]

**TEMA: PELANCONGAN**

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**PELANCONGAN GASTRONOMI**



Pelancongan gastronomi atau pelancongan makanan ini boleh didefinisikan sebagai suatu perjalanan pelancongan yang berfokus untuk menjelajah dan menikmati makanan serta minuman khas di sesebuah destinasi bertujuan untuk mengalami sendiri budaya tempatan di tempat itu. Secara keseluruhannya, pelancongan ini ialah jenis pelancongan yang menghubungkan perjalanan, percutian serta makanan dan memberikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan oleh para pelancong. Makanan yang terdapat di sesebuah destinasi pelancongan berpotensi besar untuk meningkatkan pengalaman para pengunjung di kawasan berkenaan. Makanan dalam aspek pelancongan ini berfungsi dalam menghubungkan pengunjung dengan budaya dan warisan destinasi berkenaan serta menjadi sebahagian daripada pengalaman pelancongan itu sendiri.

**NASKHAH PENTAKSIR**

**BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 3**

[40 markah]

**TEMA: PELANCONGAN**

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**PELANCONGAN GASTRONOMI**



**Pelancongan gastronomi atau pelancongan makanan ini boleh didefinisikan sebagai suatu perjalanan pelancongan yang berfokus untuk menjelajah dan menikmati makanan serta minuman khas di sesebuah destinasi bertujuan untuk mengalami sendiri budaya tempatan di tempat itu.** Secara keseluruhannya, pelancongan ini ialah jenis pelancongan yang menghubungkan perjalanan, percutian serta makanan dan memberikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan oleh para pelancong. Makanan yang terdapat di sesebuah destinasi pelancongan berpotensi besar untuk meningkatkan pengalaman para pengunjung di kawasan berkenaan. **Makanan dalam aspek pelancongan ini berfungsi dalam menghubungkan pengunjung dengan budaya dan warisan destinasi berkenaan serta menjadi sebahagian daripada pengalaman pelancongan itu sendiri.**

**SOALAN PENTAKSIR:**

1. Berikan definisi pelancongan gastronomi.

2. Nyatakan fungsi makanan dalam aspek pelacongan gastronomi?

3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk memajukan pelancongan gastronomi dalam negara?

4. Pelancongan gastronomi membawa banyak kebaikan kepada masyarakat tempatan. Berikan ulasan anda.

**NASKHAH CALON**
**BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 1**

[30 Markah]

**TEMA: PERINDUSTRIAN**

| |
|---|
| Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan taraf hidup penduduk setempat malah dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi Malaysia.<br><br>Ulas pernyataan tersebut. |

**NASKHAH PENTAKSIR**
**BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 1**

[30 Markah]

**TEMA: PERINDUSTRIAN**

| |
|---|
| Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan taraf hidup penduduk setempat malah dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi Malaysia.<br><br>Ulas pernyataan tersebut. |

**NASKHAH CALON**
**BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 2**

[30 Markah]

**TEMA: PENDIDIKAN**

| |
|---|
| Sekolah merupakan platform terbaik bagi menerapkan nilai murni seperti berdikari, tolong-menolong, hormat-menghormati dan kasih sayang dalam kehidupan.<br><br>Bincangkan. |

**NASKHAH PENTAKSIR**
**BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 2**

[30 Markah]

**TEMA: PENDIDIKAN**

| |
|---|
| Sekolah merupakan platform terbaik bagi menerapkan nilai murni seperti berdikari, tolong-menolong, hormat-menghormati dan kasih sayang dalam kehidupan.<br><br>Bincangkan. |

**NASKHAH CALON**
**BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 3**

[30 Markah]

**TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

| |
|---|
| Teknologi Maklumat dan Komunikasi merupakan teknologi yang diperlukan untuk pemprosesan data. Dalam bidang pendidikan, teknologi maklumat dan komunikasi memainkan peranan yang sangat signifikan.<br><br>Huraikan pernyataan tersebut. |

**NASKHAH PENTAKSIR**

**BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 3**

[30 Markah]

**TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

| |
|---|
| Teknologi Maklumat dan Komunikasi merupakan teknologi yang diperlukan untuk pemprosesan data. Dalam bidang pendidikan, teknologi maklumat dan komunikasi memainkan peranan yang sangat signifikan.<br><br>Huraikan pernyataan tersebut. |